

# **PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESSIONALISME (CPD) : Bengkel Pengaturcaraan Scratch dan Microbit Pasukan Pemikir RBT Sekolah Rendah**




**Labuan, 20 Mei** – Unit TVET Sektor Pembelajaran dan Pasukan Pemikir Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Rendah Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah mengadakan satu Program Pembangunan Profesional (CPD) Bengkel Pengaturcaraan Scratch dan Microbit.

Bengkel ini diadakan hasil daripada dapatan daripada guru-guru yang mengajar di W.P Labuan yang mana mereka memerlukan kepakaran untuk memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran sama ada secara bersemuka atau secara atas talian mereka

Unit TVET, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan WP Labuan telah menjemput kepakaran dari luar W.P Labuan iaitu Jalinan Pintar bersama Pejabat Pendidikan Daerah Tenom. Encik Rodolf Arat, Penolong Pegawai, Sektor Pengurusan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Tenom yang juga salah seorang jurulatih untuk Scratch dan Microbit Sekolah Rendah bagi Wilayah Sabah telah berkongsi kepakaran beliau.

Bengkel Pengaturcaraan ini diadakan secara dalam talian memandangkan keadaan yang tidak mengizinkan secara bersemuka. Walaupun ia diadakan secara di dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet dan akaun Delima tidak bermakna Pasukan pemikir hanya mendapat ilmu kepakaran ini secara teori tapi juga dijalankan secara praktikal yang mana akan dipersembahkan oleh Pasukan Pemikir yang terlibat.



Pencermah Encik Rodolf Arat (bawah kanan), Encik Rizal (atas kiri) dan Pasukan Pemikir

Menurut Encik Mohd Daud Bin Abdullah, Pegawai SISC+ TVET Jabatan Pendidikan W.P Labuan sebagai penyelaras bengkel Pengaturcaraan ini, antara tujuan bengkel ini diadakan selain daripada dapatan guru-guru disekitar W.P Labuan tetapi juga untuk membangunkan kemenjadian murid dalam pengaturcaraan yang boleh mereka gunakan semasa belakunya


Pembelajaran dan Pengajaran semasa bersemuka dan di dalam talian.

Mereka juga boleh membuat Invensi, Inovasi untuk diri mereka dan juga mungkin boleh di bawa ke pertandingan - pertandingan yang akan dianjurkan di dalam dan di luar WP Labuan.

Penolong Pengarah Unit TVET Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan WP Labuan Encik Abdul Rizal bin Abdul Rahim berharap agar Pasukan Pemikir yang mengikuti Bengkel ini akan seterusnya mengadakan Bengkel Pengaturcaraan ini kepada semua guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Rendah.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Penceramah di atas perkongsian kepakaran, bimbingan serta tunjuk ajar yang disampaikan. Secara tidak langsung, melalui program seperti Pasukan Pemikir RBT Sekolah Rendah di Labuan dapat menjalinkan kerjasama dan semangat kerja berpasukan di luar komuniti sekolah masing-masing.

**Berita Oleh : Unit TVET, Sektor Pembelajaran**



Bengkel Pengaturcaraan oleh Pasukan Pemikir yang diperhatikan oleh Penceramah